

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	29 JULY 2017



[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Dr Mahathir bersama pemimpin Pakatan Harapan selepas berjumpa pegawai ROS untuk menyerahkan permohonan pendaftaran parti di Putrajaya, semalam.

Mahathir tak akan kembali kepada UMNO

BH- 29/7/2017 pg. 14

➔ Pengerusi PPBM akui pernah cuba jatuhkan Najib

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa beliau sama sekali tidak akan kembali kepada UMNO yang pernah diterajui-nya selama 22 tahun sebagai Presiden.

Sebelum mengambil keputusan menolak UMNO sepenuhnya, Pengerusi Parti Pribumi

Bersatu Malaysia (PPBM) itu mengakui pernah mencuba untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak daripada jawatan itu.

“Saya pada mulanya cuba untuk singkirkan Datuk Seri Najib tetapi tidak (meninggalkan) UMNO.

UMNO sudah rosak teruk

“Tetapi saya dapati UMNO sudah rosak teruk kerana Datuk Seri Najib dan mereka sekarang ini lebihutamakan kepentingan diri, kewangan dan se-

bagainya,” katanya menerusi video ringkas dikongsi di laman Facebook rasmi PPBM, semalam.

Atas perkembangan itulah kata Dr Mahathir, beliau memutuskan untuk tidak lagi kembali menyokong UMNO, sebuah parti yang kini sudah menjangkau usia 71 tahun dan memerintah negara sejak 1957.

Dr Mahathir kini menerajui Pakatan Harapan yang dibentuknya partinya, bersama DAP, PKR serta Parti Amanah Negara.